

# Ambil emas tinggal bala

## 15 lombong terbiar tanpa ditimbus undang bahaya kepada penduduk

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
azimfitri@hmetro.com.my

**Lipis**

Jika membelok masuk ke simpang Kampung Gua, Kuala Lipis, di sini, anda pasti terpesona dengan ketenangan yang dimiliki kampung itu.

Mana tidaknya, sebaik melangkah ke kawasan perkampungan itu, saujana hijau sudah terbentang luas menggambarkan antara sebuah kampung yang terindah di daerah kelahiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Namun, tidak sampai 200 meter (m) pemandangan dari simpang itu sudah ada dua bekas lombong emas yang ditinggalkan tanpa sebarang tindakan menimbunya kembali, sekali gus meninggalkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat setempat mengenai survival ekosistem di perkampungan itu.

Menurut penduduk Mokhtar Hassan, 64, sekurang-kurangnya ada lebih 15 lombong emas terbiar di kampung itu selepas aktiviti mencari gali bahan galian berkenaan berhenti pada bulan lalu.

Katanya, aktiviti melombong emas yang dimulakan sejak 2014 di Kampung Gua seolah-olah menjadi 'durian runtuh' buat sebahagian penduduk apabila mengetahui tanah diwarisi mereka itu kaya hasil bumi.

"Kebanyakan tanah lombong di sini adalah tanah

persendirian, milik penduduk kampung. Jadi, apabila menyedari tanah mereka mempunyai emas kebanyakan mereka mula menjalankan aktiviti perlombongan melalui usaha sama dengan syarikat yang mempunyai kepakaran melombong emas.

"Ada juga penduduk yang tidak mahu memajak atau menjual tanah mereka kerana bimbangkan kemusnahan alam sekitar danerosakan ekosistem yang bakal dibawa selain sayangkan tanah pusaka diwarisi," katanya kepada Harian Metro, semalam.


Mokhtar yang juga peniaga runcit di perkampungan itu mendakwa, aktiviti perlombongan di kawasan Kampung Gua dilakukan tanpa mendapat kebenaran Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang.

Katanya, aktiviti perlombongan yang dilakukan secara tidak terancang dan terawal menyebabkan berlaku kemusnahan alam sekitar seperti pencemaran sungai.

"Kami (penduduk kampung) tidak kisah mereka hendak melombong emas kerana ada yang mengatakan ia punca rezeki mereka. Namun biarlah dilakukan secara betul, dapatkan kebenaran pihak berkuasa. Jika dilakukan secara sembaronon inilah hasilnya (kemusnahan ekosistem).

"Dalam tempoh beberapa tahun perlombongan emas dijalankan di kampung ini, air sungai menjadi sangat kecoh. Apabila hujan lebat ia turut mengangkut lumpur dari tapak perlombongan," katanya.

"Tinjauan Harian Metro selama dua hari di kawasan perkampungan itu mendapati kawasan dibangkitkan ternyata mempunyai asas apabila tapak perlombongan dibiarkan begitu saja tanpa ditimbus semula.



ANTARA bekas lombong emas yang ditinggalkan tanpa ditimbus di Kampung Gua.



SUNGAI Sai di Kampung Gua turut tercemar.

Tindakan itu sekali gus mengundang bahaya kepada penduduk yang terpaksa memikirkkan keselamatan anak mereka yang sering memancing di kawasan bekas lombong selain ancaman banjir kilat.

Pada masa sama, Sungai Sai yang mengalir di Kam-

**“Kegiatan melombong yang tidak terkawal sebabkan kemusnahan alam sekitar Mokhtar Hassan”** hari ini tiada sebarang penyelesaian

dicapai.

Katanya, tinggal berhampiran Sungai Sai membuatkan dia lebih bimbang apabila melihat sungai yang pada masa lalu menjadi nadi kehidupan penduduk kampung musnah akibat kerakusan tangan manusia.

"Bayangkan sungai ini (Sungai Sai) mengalir hingga ke Kuala Sungai Jelai, Kalau setiap hari allirannya terce-

mar membawa lumpur da tanah lombong mesti sat hari nanti Sungai Jelai aka turut tercemar.

"Pada masa itu sudah tidak guna lagi. Jadi, saya mohon pihak berwajib tengok lah perkara ini," katanya yang juga penduduk as-Kampung Gua.

Wartawan turut dibaw penduduk melihat keadaan Sungai Sai yang mengalir se jauh enam kilometer k Kuala Sungai Jelai dengan se bahagian besar kawasan sungai melalui kawasan bekas lombong yang dibiarkan se lepas proses menggali emas selesai dilakukan.

**Lipis**

## Penduduk kecewa tanaman sawit rosak

"Mereka (pemilik tanah) melombong emas memang seronok dapat emas dapat duit, tapi bagaimana pula dengan nasib saya yang mengusahakan tanaman sawit?"

"Disebabkan aktiviti perlombongan emas yang dilakukan secara tidak terancang, habis rosak tanaman saya. Belum sempat hendak rasa hasil, pokok sudah mati," kata penduduk Kampung Gua, Ramzan Mohamad, 37, yang mengusahakan tanaman

sawit sejak beberapa tahun lalu apabila sebahagian besar tanamannya musnah akibat ditenggelami lumpur dibawa dari lombong emas.

Katanya, lebih memburukkan keadaan kira-kira 100 pokok sawit ditanamnya itu ditenggelami lumpur sejak bulan lalu akibat hujan lebat dan lumpur banjir yang dibawa dari Sungai Sai di Kampung Gua.

Ramzan berkata, kerugian dialaminya tidak diambil peduli pemilik

tanah lombong itu sehingga menyebabkannya terpaksa mengeluarkan modal baru untuk memulihkan tanaman sawitnya.

"Rumah saya berdekatan kawasan lombong, kira-kira 100 meter saja. Baru-baru ini musim hujan lebat habis tanaman saya ditenggelami lumpur akibat limpahan air Sungai Sai. Sepatutnya mereka (pemilik lombong) menimbus lombong mereka kembali, bukan biarkan," katanya.



PENDUDUK melihat pokok sawit yang musnah akibat aktiviti perlombongan emas.